

Industri gula: Pasukan petugas dibentuk

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan di Parlimen hari ini, Kerajaan telah menubuhkan pasukan petugas perusahaan gula di Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji dan meneliti dengan lebih mendalam berhubung dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh perusahaan gula di negara ini.

Katanya, pasukan petugas itu akan mengemukakan laporannya tidak lama lagi.

Dalam jawapannya kepada soalan tambahan Encik Mohd Nakhale (PAS-Baling) sebelum itu Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, ada kemungkinan kegagalan Perusahaan Gula Negeri Sembilan itu disebabkan pengurus firmannya dari Sri Lanka tidak mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang tersebut.

"Bagaimanapun," ujarnya, "saya tidak dapat kata dengan tepat."

Sebelum itu, anggota BN-Pasir Putih, Wan Mohd. Najib bertanya, adakah kegagalan Perusahaan Gula N.S. itu disebabkan pengurus kilangnya dari Sri Lanka bukan daripada ahli yang mahir dalam bidang itu, dan beliau juga orang yang pernah menggagalkan projek gula di Sri Lanka?.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perusahaan berkata, kegagalan sesuatu projek itu tidak boleh ditentukan oleh satu sebab sahaja.

Kegagalan

"Kegagalan Projek Gula N.S. itu meliputi banyak sebab sehingga tidak dapat hendak saya ulaskan di sini," katanya.

Anggota PAS-Baling, Encik Mohd. Nakhale bertanya: "Sebentar tadi YAB memberitahu kegagalan Projek Gula N.S. itu meliputi banyak sebabnya, adakah kurang pengalaman dan kepakaran pengurusnya sebagaimana yang disebut oleh ahli dari Pasir Putih itu merupakan salah satu dari sebabnya?"

Datuk Seri Dr. Mahathir menjawab, "ada kemungkinan begitu, tetapi saya tidak dapat kata dengan tepat."

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian dengan serius menolak tohmahan ahli DAP-Petaling, Encik Lim Kit Siang bahawa Kerajaan

KUALA LUMPUR, Jumaat

"tidak mahu tahu" mengenai kegagalan Projek Gula N.S. dan Gula Perak.

Katanya lagi, "saya menentang hujah Yang Berhormat itu yang menyatakan Kerajaan tidak mahu tahu, dan hujah itu tidak patut dibuat dalam Dewan yang mulia ini."

Beliau menjelaskan, kegagalan Gula Perak tidak dapat diatasi seperti Gula N.S. kerana masalahnya berkaitan dengan kedudukan undang-undang.

Masalah

Kepada soalan tambahan Encik Chan Teck Chan (DAP-Kota Melaka), Timbalan Perdana Menteri berkata, Kerajaan tidak bercadang mengeluarkan kertas putih mengenai kegagalan Perusahaan Gula N.S. dan Gula Perak.

Menjawab soalan asal Tengku Noor Asiah (BN-

Tumpat), Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan memang sedar tentang masalah kos pengeluaran yang tinggi di alami oleh perusahaan gula di negara ini, terutama di Perak dan Negeri Sembilan.

Tambahnya, bahkan masalah tersebut merupakan salah satu dari masalah-masalah yang dialami oleh projek-projek perusahaan gula bersatu (integrated sugar projects) di negara ini.

Di atas kesedaran itu, tambahanya, Kerajaan telah menubuhkan pasukan petugas perusahaan gula di Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji dan meneliti dengan lebih mendalam berhubung dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh perusahaan gula di negara ini.

Pasukan petugas itu akan mengemukakan laporannya tidak lama lagi, ujar beliau.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia